

11/05/2004

Finlay Herber mahu hasil vaksin meningitis

FINLAY Herber Bioven Sdn Bhd (Finlay Herber) akan mengadakan kerjasama dengan sebuah syarikat asing bagi menghasilkan vaksin penyakit meningococcal meningitis yang halal untuk digunakan umat Islam, terutama jemaah haji dan umrah.

Finlay Herber, syarikat yang terbabit dalam bidang bioteknologi, akan menghasilkan vaksin yang dikenali ACYW 135 itu dengan kerjasama Pusat Kejuruteraan Genetik dan Bioteknologi (CIGB) yang berpangkalan di Cuba.

Pengerusi Bioven Holding Sdn Bhd (Bioven), Datuk Mukhriz Mahathir, berkata usaha menghasilkan vaksin itu selaras saranan Majlis Fatwa Kebangsaan supaya hanya ACYW 135 yang tidak mengandungi bahan mencurigakan seperti lemak babi, digunakan untuk jemaah negara ini.

Katanya, ketika ini Malaysia terpaksa mengimport vaksin ACYW 135 berjenama Mencevax dari Belgium kerana ia satu-satunya yang dikenal pasti tidak mengandungi unsur mencurigakan seperti lemak babi dalam ramuannya.

Bagaimanapun, difahamkan vaksin berjenama Mencevax itu juga tidak halal kerana sumber lembu yang digunakan tidak dapat dipastikan sama ada disembelih atau tidak tetapi penggunaannya diharuskan kerana ia tidak menggunakan sumber babi.

"Tetapi jumlah vaksin itu yang ada di pasaran negara ini masih tidak mencukupi dan jemaah haji dan umrah dari Malaysia tetap perlu mengambil suntikan ini kerana ia diwajibkan Kerajaan Arab Saudi.

"Oleh itu, kami mengambil langkah untuk menghasilkan vaksin yang halal kepada rakyat negara ini," katanya pada sidang media sempena sempena lawatan Pengarah CIGB, Dr Lius Herrera Martines ke Malaysia di pejabat Kedutaan Cuba di Kuala Lumpur, semalam.

Kerajaan Arab Saudi mula mewajibkan suntikan vaksin ACYW 135 kepada semua jemaah haji dan umrah sejak 2001 berikutan wabak meningococcal meningitis ketika musim haji 1987 dan kadar jangkitan wabak itu tinggi di Afrika Utara.

Mukhriz berkata, Finlay Herber sudah melabur kira-kira RM250,000 untuk penyelidikan menghasilkan vaksin halal terbabit dan ia dijangka dapat dihasilkan dalam tempoh 12 hingga 18 bulan akan datang sebelum boleh diperolehi di pasaran.

Katanya, selain CIGB, Universiti Sains Malaysia (USM) juga terbabit dalam usaha menghasilkan vaksin halal berkenaan.

"Kira-kira 250,000 umat Islam menunaikan umrah setiap tahun. Vaksin itu juga akan boleh digunakan oleh jemaah haji dan umrah Indonesia dan negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) lain sebaik saja berjaya dihasilkan," katanya.

Selain itu, katanya, syarikat itu akan memasarkan rangkaian ubat-ubatan yang dihasilkan CIGB untuk pelbagai penyakit tropika di negara ini.

Beliau berkata, syarikatnya sudah memperoleh hak francais bagi mengedar dan memasarkan ubat-ubatan keluaran CIGB, tetapi masih menunggu kelulusan daripada Kementerian Kesihatan untuk memasarkannya di negara ini.

(END)